



BULETIN INFORMASI PERBADANAN PUTRAJAYA

# BULETIN PPj

EDISI BAHARU

• KELUARAN 1 2026



# ISI KANDUNGAN



- Majlis Perhimpunan Warga Perbadanan Putrajaya Bil.1/2026 3
- Kunjungan Hormat Oleh TYT Raden Dato' Mohammad Iman Hascarya Kusumo, Duta Besar Republik Indonesia 4
- Program Sambutan Pengunjung Hab Pengangkutan Utama Sempena Visit Malaysia 2026 (VM2026) 5
- Majlis Sambutan Ambang Tahun Baharu 2026 Sempena Festival Lentera Putrajaya 2025 6
- Majlis Tuaian Rock Melon Di Kebun Komuniki 3 (KK3), Presint9, Putrajaya 7
- Majlis Peluncuran Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan 2026 8
- Majlis Amanat YB Wilayah Persekutuan 9
- Hari Terbuka Putrajaya 2026 (POD 2026) 10
- MAIWP RUN 2026 13
- Majlis Pelancaran Nombor Pendaftaran Nombor Istimewa (NPI) Siri FH 14
- Majlis Perasmian Festival Ramadan 2026 15
- Majlis Jalinan Ramadan Media Putrajaya 2026 19
- Sesi Townhall Presiden PPj Bersama Badan Pengurusan Bersama (JMB) Dan Perbadan Pengurusan (MC) 20

## PERTANYAAN

Sidang redaksi Perbadanan Putrajaya mengalu-alukan komen, ulasan dan sumbangan dari semua pembaca

Email pertanyaan hendaklah ditujukan kepada :

ppjonline@ppj.gov.my



Buletin PPj,  
Seksyen Portal & Multimedia  
Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi,  
Jabatan Perkhidmatan Korporat,  
Perbadanan Putrajaya,  
24, Persiaran Perdana,  
Presint 3, 62675 Putrajaya.

my PUTRAJAYA



Untuk maklumat lanjut, sila layari:



[www.ppj.gov.my](http://www.ppj.gov.my)



Facebook/putrajaya



Twitter@putrajayacorp



Youtube/perbadananputrajaya



Instagram/perbadananputrajaya



Majlis Perhimpunan Warga Perbadanan Putrajaya Bil. 1/2026 telah berlangsung dengan jayanya pada 12 Februari 2026 di Auditorium Tun Azizan Zainul Abidin, Kompleks Perbadanan Putrajaya .

Perhimpunan kali ini menampilkan kelainan menerusi Segmen Khas Perkongsian Jabatan yang melibatkan Jabatan Undang-Undang, Jabatan Audit dan Risiko serta Seksyen Integriti sebagai platform perkongsian berkaitan pematuhan peraturan, pengauditan dan pengukuhan integriti organisasi.

Turut berlangsung ialah Pelancaran Buku Strategi Pembanterasannya Rasuah Organisasi (OACS) PPj 2026–2030 sebagai komitmen berterusan PPj dalam memperkukuh budaya integriti dan tadbir urus yang telus.

Majlis turut diserikan dengan ceramah khas daripada Akademi Kenegaraan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri.





SELAMAT DATANG KE PERBADANAN PUTRAJAYA  
*Welcome to Perbadanan Putrajaya*



# Kunjungan Hormat Oleh TYT Raden Dato' Mohammad Iman Hascarya Kusumo, Duta Besar Republik Indonesia



Kunjungan hormat ini merupakan sesi jalinan ukhuwah dalam usaha memperkukuh hubungan diplomatik antara Kedutaan Besar Republik Indonesia dan Perbadanan Putrajaya. Pertemuan tersebut turut menjadi platform perbincangan strategik berhubung perancangan pembangunan Kedutaan Besar Republik Indonesia di Presint 4, Putrajaya.





# Program Sambutan Pengunjung Hab Pengangkutan Utama Sempena Visit Malaysia 2026 (VM2026)

Program Sambutan Pengunjung Hab Pengangkutan Utama sempena Visit Malaysia 2026 (VM2026) ialah inisiatif strategik oleh Tourism Malaysia dan MOTAC yang dilancarkan pada 1 Januari 2026 untuk mengalu-alukan kedatangan pelancong domestik dan antarabangsa di pintu masuk utama. Program ini menampilkan sambutan istimewa di 52 lokasi, termasuk Terminal Putrajaya Sentral dan TBS, bagi mempromosikan keunikan, budaya, dan destinasi pelancongan Malaysia.

Program ini merupakan salah satu daripada inisiatif strategik di bawah VM2026, dengan Terminal Putrajaya Sentral dipilih sebagai salah satu daripada 52 lokasi utama hab pengangkutan di seluruh negara bagi menyambut kehadiran pelancong domestik dan antarabangsa.

Majlis perasmian program telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haji Mohd Sakeri bin Abdul Kadir, Presiden Perbadanan Putrajaya, serta disertai oleh wakil daripada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), Tourism Malaysia dan pengurusan Terminal Putrajaya Sentral.

Program ini bertujuan untuk mempamerkan keunikan Putrajaya sebagai destinasi pelancongan yang mesti lawat dengan tarikan seni bina ikonik, landskap hijau, budaya, acara dan gaya hidup.

Program VM2026 ini juga bertujuan untuk memastikan pengalaman ketibaan yang meriah dan mesra, menetapkan nada positif untuk kempen Tahun Melawat Malaysia 2026.





## Majlis Sambutan Ambang Tahun Baharu 2026 Sempena Festival Lentera Putrajaya 2025

Sambutan Ambang Tahun Baharu 2026 di Putrajaya disambut meriah dengan kehadiran pelbagai lapisan masyarakat.


Acara itu diadakan bersekaian dengan Festival LENTERA dan peluncuran Pesona 3 Wilayah (Pesona 3W) di Putrajaya mencerminkan komitmen kerajaan dalam memperkukuh perpaduan, memperkasa industri pelancongan.

Ia dilihat sebagai medium dalam mengangkat identiti Wilayah Persekutuan sekali gus menjadikan Putrajaya sebagai pentas utama penganjuran acara nasional dan antarabangsa.

Sementara itu peluncuran Pesona 3W dilihat sebagai satu inisiatif penjenamaan pelancongan bersepadu yang menyatukan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan bawah satu jenama utama dengan slogan #3Cerita1 Jiwa.

Inisiatif itu menggabungkan daya tarikan Kuala Lumpur sebagai bandar moden, Putrajaya sebagai pusat pentadbiran hijau dan Labuan dengan keunikan maritim bagi membentuk pakej pelancongan lengkap dan menyeluruh.

Penglibatan rakan strategik dan penaja daripada sektor awam serta swasta dijangka memberi impak positif kepada sektor pelancongan dan ekonomi setempat, selain memperkukuh imej Putrajaya sebagai destinasi pelancongan bandar bertaraf antarabangsa.



# MAJLIS TUAIAN ROCK MELON DI KEBUN KOMUNITI 3 (KK3), PRESINT 9, PUTRAJAYA



Komitmen dan sokongan berterusan pihak Perbadanan Putrajaya (PPj) melalui penyediaan kemudahan, bimbingan teknikal serta program pembangunan komuniti, telah membuktikan kesungguhan PPj dalam menyokong kesejahteraan sosial dan ekonomi komuniti setempat.

Terima kasih diucapkan kepada semua Ketua Kebun Komuniti, peserta dan rakan strategik yang terlibat dalam menjayakan pembangunan Kebun Komuniti di Putrajaya. Semoga usaha murni ini terus berkembang dan memberi manfaat berpanjangan kepada seluruh komuniti Putrajaya.

Majlis Tuaian Buah Rock Melon kali ke -16 telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haji Mohd. Sakeri bin Abdul Kadir, Presiden Perbadanan Putrajaya diiringi YBhg. Dato' Badlishah bin Haji Ahmad, Naib Presiden, Jabatan Landskap dan Taman pada 15 Januari 2026 di Kebun Komuniti 3 (KK3), Presint 9, Putrajaya.

Kebun Komuniti Putrajaya berperanan sebagai salah satu medium bagi memperkasakan penglibatan komuniti, menggalakkan gaya hidup sihat, meningkatkan keterjaminan dan keselamatan makanan serta memupuk kesedaran terhadap kelestarian alam sekitar di kalangan komuniti Putrajaya.





## MAJLIS PELUNCURAN KEMPEN KIBAR BENDERA WILAYAH PERSEKUTUAN 2026

Putrajaya dimeriahkan dengan kibaran bendera Wilayah Persekutuan sempena Majlis Peluncuran Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan Peringkat WP Putrajaya yang telah berlangsung di Tapak Pasar Minggu @ Lepak 11, Presint 11 pada 17 Januari 2026. Majlis ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Haji Mohd Sakeri bin Abdul Kadir, Presiden Perbadanan Putrajaya.

Turut hadir YBrs. Puan Farah Adura binti Hamidi, Timbalan Ketua Pengarah (PPE), Jabatan Wilayah Persekutuan, YBrs. En. Nik Ahmad Zahiruddin bin Nik Saleh, Pengarah Majlis Sukan Wilayah Persekutuan serta pengurusan kanan PPJ dan JWP.

Program ini turut dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti komuniti termasuk Langkah Ceria @ Wilayah Persekutuan Putrajaya, Pelancaran BeST @ Lepak 11, Penyerahan Sumbangan Tautan Kasih SHWP 2026 serta Perasmian Pasar Minggu @ Lepak 11.

Semoga penganjuran program seumpama ini dapat menyemarakkan semangat patriotisme, memperkukuh perpaduan komuniti serta memupuk rasa bangga dan cintakan Wilayah Persekutuan dalam kalangan warga Putrajaya.





# MAJLIS AMANAT YB MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN

**M**enteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), YB Hannah Yeoh telah menyampaikan amanat kepada warga kerja JWP dan agensi pada 21 Januari 2026 di Menara Seri Wilayah, Putrajaya. Majlis ini menjadi platform penting untuk menyampaikan visi kepimpinan, memperkukuh hala tuju perkhidmatan, serta menegaskan komitmen warga Wilayah Persekutuan dalam merealisasikan aspirasi Malaysia MADANI.

Turut hadir, YB Datuk Lo Sui Fui, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan); YBhg. Datuk Seri Noridah binti Abdul Rahim, Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan; YBhg. Dato' TPr. Fadlun bin Mak Ujud, Datuk Bandar Kuala Lumpur; YBhg. Dato' Haji Mohd Sakeri bin Abdul Kadir, Presiden Perbadanan Putrajaya; YBrs. Encik Mohd Sukuran bin Taib, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan; YBhg. Datin Paduka Rahilah binti Rahmat, Pengarah Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan; YBrs. Dr. Khairul Nizam bin Othman, Ketua Pegawai Eksekutif

Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu; dan YBrs. Encik Nik Ahmad Zahiruddin bin Nik Salleh, Pengarah Majlis Sukan Wilayah Persekutuan, bersama Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah JWP serta pengurusan kanan JWP dan agensi.

Amanat yang disampaikan menjadi pemangkin semangat dan iltizam bersama dalam memperkukuh tadbir urus, meningkatkan mutu perkhidmatan, serta memacu pembangunan Wilayah Persekutuan yang mampan dan sejahtera.



# HARI TERBUKA PUTRAJAYA 2026



Majlis perasmian Hari Terbuka Putrajaya 2026 telah disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), YB Hannah Yeoh pada 29 Januari 2026 (Khamis) di Auditorium Tun Azizan Zainul Abidin, Kompleks Perbadanan Putrajaya.

Hari Terbuka Putrajaya 2026 berlangsung dari 29 Januari 2026 (Khamis) hingga 1 Februari 2026 (Ahad) bertempat di Dataran Putrajaya, Presint 3, Putrajaya. Acara berlangsung seawal jam 10 pagi hingga 10 malam kecuali pada hari Ahad yang hanya sehingga jam 5 petang sahaja.

Hari Terbuka Putrajaya pada kali ini bertemakan "Satu Destinasi Pelbagai Solusi", Hari Terbuka Putrajaya 2026 untuk semua peringkat umur serta kategori masyarakat. Pelbagai perkhidmatan daripada kementerian, agensi kerajaan, dan swasta turut diadakan kepada pengunjung di bawah satu bumbung.

Pelbagai pengisian dan aktiviti menarik yang telah disediakan seperti :-

Zon 1 : Pameran & Perkhidmatan  
Zon 2: Lorong Dapur Berasap

Zon 3: E-Sukan  
Zon 4: Jualan Bunga Raya  
Zon 5: Dunia Hobi & Pameran Kraf Tangan  
Zon 6: Mother Booth  
Zon 7: Pentas Utama  
Zon 8: Outdoor Village  
Zon 9: Jualan Agro  
Zon 10 : Zoo & Haiwan Awet  
Zon 11: Pameran Kementerian & Pameran Pelancongan  
Zon 12: Fantastic Food Festival  
Zon 13: Mayapada Kopi  
Zon 14: Jualan Rahmah





YBhg. Dato' Haji Mohd Sakeri bin Abdul Kadir, Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj) menyempurnakan pelepasan peserta & penyampaian hadiah kepada semua pemenang bagi program Langkah Ceria pada 31 Januari 2026 sempena Hari Terbuka Putrajaya 2026. Lebih dari 3,000 peserta telah menyertai larian melalui kategori 10KM,5KM & 3KM.



Pertandingan Reruai Tourism dan Kementerian sempena Hari Terbuka Putrajaya (POD) 2026 berlangsung pada 29 Januari hingga 1 Februari 2026 di Dataran Putrajaya, Presint 3. Pertandingan ini menonjolkan inovasi dan promosi pelancongan, dengan Tourism Perak memenangi tempat pertama bagi kategori negeri, manakala Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) turut memeriahkan acara. Program ini bertujuan mempromosikan destinasi pelancongan Malaysia menjelang Visit Malaysia 2026.




Perbadanan Putrajaya turut menganjurkan Himpunan Kayuhan Basikal Klasik Putrajaya untuk jarak 11KM pada 1 Februari 2026 bertemakan Tradisional Klasik. Penyertaan adalah percuma dan terbuka kepada semua basikal klasik dan juga basikal normal bagi meraikan serta memeriahkan Hari Terbuka Putrajaya 2026 dan juga sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2026.



Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Fotografi Pelancongan Putrajaya 2025 telah disempurnakan pada 29 Januari 2026 di Pentas Zon Kementerian, Dataran Putrajaya, Presint 3 bersempena Hari Terbuka Putrajaya 2026.

Bertemakan Keunikan Putrajaya dengan 2 kategori iaitu Siang dan Malam telah dipertandingkan dari 1 Oktober 2025 hingga 15 November 2025 yang lalu.

Seramai 292 peserta telah menyertai pertandingan ini dan sebanyak 682 gambar telah dikumpul sejak pertandingan ini dijalankan.



# MAIWP RUN 2026



Program larian Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan 2026 (MAIWP Run 2026) bukan sekadar mempromosikan gaya hidup sihat, malah menjadi platform memperkukuh nilai perpaduan, disiplin dan semangat kebersamaan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum serta agama.

Penganjuran yang memasuki tahun keempat tersebut mencatatkan penyertaan lebih dari 10,000 peserta, sekali gus membuktikan sambutan berterusan merentasi latar belakang agama, bangsa dan negara. Walaupun dianjurkan oleh MAIWP, penyertaan acara ini sangat inklusif dan setaraf dengan larian berskala besar lain apabila turut disertai masyarakat bukan Islam termasuk kaum India dan Cina, selain pelari antarabangsa dari Afrika serta Eropah.

MAIWP Run 2026 yang memasuki edisi keempat penganjurannya menampilkan beberapa kategori larian termasuk half marathon 21 kilometer (km), selain 10km, 5km dan 3km sekali gus membuka peluang penyertaan kepada pelbagai peringkat usia dan tahap kecergasan.

Program ini dianjurkan oleh MAIWP dengan kerjasama Koperasi Pungutan Zakat Bhd MAIWP (KoPPZ) yang diperkenalkan sejak 2023. Sebagai simbol keterangkuman, penganjur turut melepaskan peserta daripada kalangan orang kurang upaya (OKU), selari dengan hasrat meraikan semua lapisan masyarakat.

MAIWP bukan sahaja berperanan dalam pengurusan zakat, wakaf dan pentadbiran, malah aktif dalam pembangunan pendidikan serta aspek sosial masyarakat. MAIWP membawa mesej perpaduan, saling menghormati dan rahmah untuk semua.



Tarikh Buka :

1 Februari 2026 (Ahad)

Tarikh Tutup :

5 Februari 2026 (Khamis)  
(10 Malam)

Tarikh Keputusan :

6 Februari 2026 (Jumaat)

**NOTIS AWAM**  
**NOMBOR PENDAFTARAN ISTIMEWA**  
**WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

FH

**FH**

FH 8055

FH 8

FH 1

FH 999

FH 1234

# Majlis Pelancaran Nombor Pendaftaran Istimewa (NPI) Siri FH

Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia menawarkan Nombor Pendaftaran Istimewa (NPI) siri "FH" sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan Tahun 2026 melalui sistem bidaan dalam talian JPJeBid.

Penawaran nombor NPI siri "FH" membawa nilai simbolik bagi memperingati penubuhan Wilayah Persekutuan serta menghargai sumbangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan kepada pembangunan negara.

Bidaan NPI siri "FH 1 hingga FH 9999" dibuka kepada orang awam bermula 1 hingga 5 Februari 2026. Harga bidaan mengikut harga ditetapkan iaitu nombor bernilai utama (golden) RM20,000; nombor premium (RM5,000), nombor menarik (attractive) RM 2,500; nombor popular RM500 dan nombor biasa (running) adalah RM300. Kaedah penawaran secara bidaan ini tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan melalui sistem JPJeBid.

Nombor-nombor pendaftar yang berjaya dibida mesti didaftarkan pada sebuah kenderaan dalam tempoh 12 bulan daripada tarikh surat keputusan bidaan rasmi dikeluarkan. Keputusan pemenang bidaan

diumumkan pada Jumaat, 6 Februari 2026 dalam tempoh 24 jam.

Pengumuman bidaan NPI siri "FH" ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Aedy Fadly bin Ramli, Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan Malaysia. Hadir sama YBhg. Dato' Hj. Mohd Sakeri bin Abdul Kadir, Presiden Perbadanan Putrajaya; YBhg. Datuk Jazmanie bin Shafawi, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JPJ; YBrs. Ir. Muhamad Zubir bin Saran, Naib Presiden Jabatan Kejuruteraan & Penyelenggaraan, YBrs. Tuan Mohd Kamal Hisham bin Abu Bakar, Pengarah Pelesenan Kenderaan JPJ, serta pegawai-pegawai kanan Jabatan.





## Majlis Perasmian Festival Ramadan 2026

Suasana di Dataran Putrajaya Presint 3 meriah dengan kehadiran ratusan pengunjung yang berkumpul untuk berbuka puasa sambil bersantai sempena Festival Ramadan Putrajaya (FRP) 2026.

Dengan berlatarbelakangkan keindahan seni bina Istana Kehakiman dan pintu gerbang Perbadanan Putrajaya, suasana berbuka puasa di Dataran Putrajaya, Presint 3 dilihat amat menarik. Orang ramai dilihat mula memenuhi kawasan lapang tersebut dengan membawa tikar, kerusi dan meja lipat seawal jam 5.30 petang.

Dalam suasana santai, pengunjung yang terdiri daripada pelbagai lapisan usia turut membawa bekal dari rumah dan membeli juadah di bazar Ramadan Presint 3 untuk berbuka puasa di ruang terbuka bersama keluarga dan rakan.

FRP 2026 berlangsung dari 18 Februari 2026 hingga 19 Mac 2026, membuka peluang ekonomi kepada peniaga kecil, menghidupkan aktiviti komuniti dan memanfaatkan ruang awam secara inklusif, selaras dengan Tahun Melawat Malaysia 2026 (TMM2026).

Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), YB Hannah Yeoh, FRP 2026 menyokong aspirasi Putrajaya

sebagai Bandar Hijau Rendah Karbon melalui transaksi tanpa tunai, pengurangan plastik sekali guna, penggunaan beg guna semula dan kempen mengelakkan pembaziran makanan.

FRP 2026 bertemakan 'Seindah Ramadan, Harmoni Lebaran' merupakan acara signifikan bersempena kalendar Tahun Melawat Malaysia 2026, Sambutan Hari Wilayah Persekutuan dan Ulang Tahun ke-30 Perbadanan Putrajaya. Putrajaya bukan sekadar pusat pentadbiran negara, tetapi simbol perkhidmatan awam yang bekerja setiap hari demi kesejahteraan rakyat.



# Nur Ramadan

WILAYAH PERSEKUTUAN



2026M  
1447H

23 Feb 2026 | Dewan Sri Siantan  
Kompleks Perbadanan Putrajaya  
5 Ramadan 1447H | Wilayah Persekutuan



Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) memperuntukkan sumbangan RM1.02 juta untuk diagihkan kepada 5,100 asnaf dan fakir di Wilayah Persekutuan melalui Program Nur Ramadan Wilayah Persekutuan 2026. Setiap penerima menerima bantuan tunai RM200, membabitkan 3,300 orang di Kuala Lumpur, 1,500 orang di Labuan dan 300 orang di Putrajaya.

Program Nur Ramadan Wilayah Persekutuan ini telah disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), YB Hannah Yeoh pada 23 Februari 2026 di Dewan Sri Siantan Kompleks Perbadanan Putrajaya. Turut hadir, Timbalan Menteri, Datuk Low Su Fui dan Presiden Perbadanan Putrajaya, Datuk Mohd Sakeri Abdul Kadir.

Program ini dianjurkan Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Perbadanan Labuan (PL). Program Nur Ramadan Wilayah Persekutuan 2026 mencerminkan komitmen kerajaan dalam menyokong komuniti sepanjang Ramadan.

Selain itu, sumbangan khas RM5,000 menggunakan Peruntukan Khas Wilayah Persekutuan (JWP) turut disalurkan kepada

Surau Al Hidayah Putra Harmoni Presint 9, Surau Al Ehsan Presint 11 dan Surau Al-Islah Fasa 7 Presint 9. Sumbangan ini sebagai tanda sokongan kepada institusi masjid dan surau di Putrajaya yang terlibat secara langsung sebagai rakan strategik program dalam mengimarahkan aktiviti Ramadan serta pembangunan pendidikan Islam.





## MAJLIS PELANCARAN BAZAR RAMADAN AMBANK PUTRALOKA PRESINT 14, PUTRAJAYA

Bazar Ramadan Presint 14, Putrajaya merupakan salah satu komponen dalam Festival Ramadan Putrajaya 2026 dan menghimpunkan lebih 172 peniaga tempatan yang menawarkan pelbagai juadah tradisional dan moden, sekali gus menjadi platform penting dalam merancakkan ekonomi setempat serta memberi peluang kepada usahawan mikro dan kecil untuk menjana pendapatan sepanjang bulan Ramadan.

Terdapat juga Gerai Rahmah yang menawarkan Produk Makanan Rahmah pada harga berpatutan bagi membantu meringankan beban komuniti di sini.

Sebagai rakan strategik, AmBank Group terus komited dalam memperkasa peniaga melalui inisiatif pendigitalan perniagaan dengan menggalakkan penggunaan transaksi tanpa tunai menerusi kemudahan pembayaran digital.



# Program Bubur Lambuk Wilayah Persekutuan Putrajaya Bersama Komuniti

Program gotong-royong memasak bubur lambuk anjuran Perbadanan Putrajaya (PPj) bersama komuniti setempat berjaya menyediakan sebanyak 12,000 pek bubur lambuk untuk diagihkan kepada masyarakat sekitar Putrajaya sempena Ramadan.

Menurut Presiden Perbadanan Putrajaya, Datuk Mohd Sakeri Abdul Kadir, program ini bukan sahaja menyemarakkan sambutan Ramadan, malah menjadi platform mengeratkan hubungan antara masyarakat dan agensi terlibat.

Program Bubur Lambuk Wilayah Persekutuan Putrajaya Bersama Komuniti berlangsung di Kompleks Kejiranan Presint 9 dengan penglibatan lebih 350 peserta terdiri daripada komuniti setempat, agensi kerajaan serta pelbagai pertubuhan.

Sebanyak 24 periuk bubur lambuk dimasak secara gotong-royong sebelum diagihkan kepada komuniti setempat, surau-surau sekitar Putrajaya serta anggota keselamatan termasuk Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan Angkatan Pertahanan Awam.

Agihan turut melibatkan hospital sekitar Putrajaya termasuk Hospital Putrajaya dan Institut Kanser Negara selain pengunjung bazar Ramadan di beberapa presint.

Program ini merupakan kerjasama antara PPj, Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Putrajaya serta beberapa rakan strategik termasuk Tenaga Nasional Berhad dan Stella Kasih Medical Centre Putrajaya bagi mengukuhkan semangat kebersamaan dalam kalangan komuniti setempat sepanjang bulan Ramadan.



# Majlis Jalinan Ramadan Media PPj 2026



**M**ajlis Jalinan Ramadan Media PPj 2026 telah berlangsung dengan penuh bermakna bertempat di Rumah Makan Bumbu, Taman Wetland Putrajaya, Presint 13, Putrajaya. Majlis diserikan dengan kehadiran tetamu kehormat, YBhg. Dato' Mohd Sakeri bin Abdul Kadir, Presiden Perbadanan Putrajaya, menjadi wadah memperkukuh jalinan kerjasama strategik antara pihak pengurusan dan rakan-rakan media.



# SESI TOWNHALL PRESIDEN PERBADANAN PUTRAJAYA BERSAMA BADAN PENGURUSAN BERSAMA (JMB) DAN PERBADANAN PENGURUSAN (MC) DI BAWAH SKIM PEMAJU



Seksyen Pesuruhjaya Bangunan (COB) Putrajaya telah berjaya mengadakan satu Sesi Townhall YBhg. Dato Presiden Perbadanan Putrajaya Bersama Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) bertempat di Dewan Melati 3, Kompleks Perbadanan Putrajaya.

Antara tujuan diadakan sesi townhall ini adalah bagi mendapatkan segala input dan permasalahan yang dihadapi oleh penduduk di kawasan strata sekitar Putrajaya. Sesi townhall ini juga adalah wadah untuk bermusyawarah serta merumuskan kerangka solusi komprehensif berpaksikan kepada Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).

Tiga teras utama telah ditekankan oleh Presiden Perbadanan Putrajaya, Datuk Mohd Sakeri Abdul Kadir, sewaktu ucapan pembukaan iaitu Ketelusan, Tindakan Proaktif dan Pemerksaan Ilmu di mana natijah kepada tiga teras ini akan menghasilkan teras yang keempat iaitu tatakelola yang baik serta akauntabiliti dan integriti yang jitu.

YBhg. Datuk Presiden berharap agar sesi townhall ini dapat melahirkan perkongsian idea yang membina di samping memupuk pandangan yang bernas agar pengurusan strata di Putrajaya menjadi lebih dinamik, efisien, mampan serta berdaya huni.

